

Headline	Pihak fitnah TH dikawal DAP akan diambil tindakan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	21 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	15	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	121 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,152
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,457



Pihak fitnah TH dikawal DAP akan diambil tindakan



MUJAHID

SEMENYIH - Tindakan akan diambil terhadap mana-mana pihak yang memfitnah Tabung Haji (TH) kononnya ia kini dikawal parti DAP semasa kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Seme-

nyih, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof.

Menurutnya, beliau tidak akan berkompromi dengan sesiapa yang memainkan isu melibatkan orang Islam itu semata-mata untuk menda-

pat undi.

"Mereka berleluasa terutama pada kempen kali ini dengan membawa pembbohongan kononnya TH sekarang ini di bawah DAP dan menteri agama tunduk kepada DAP," katanya kepada pemberita di

sini semalam.

Mujahid menarik perhatian bahawa beliau sebelum ini menang satu kes saman terhadap seorang ahli akademik yang mendakwa dirinya kuda tunggangan DAP.

Naib Presiden Parti Ama-

nah Negara itu turun berkempen memastikan kemenangan calon Pakatan Harapan, Muhammad Aiman Zainali yang berdepan pertandingan empat penjuar bagi kerusi DUN Semenyih, 2 Mac ini.

- Bernama